

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI  
SELANGOR BILANGAN 5 TAHUN 2025**

---

**LANJUTAN TEMPOR PEMAKAIAN KAEDAH PEMBAYARAN  
PREMIUM DAN PREMIUM TAMBAHAN KE ATAS KELULUSAN  
PERMOHONAN PEMBERIMILIKAN DAN PEMBANGUNAN TANAH  
DI NEGERI SELANGOR**

---

**1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Pentadbir Tanah Daerah mengenai kelulusan pelanjutan tempoh pemakaian Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Selangor Bilangan 1/2016 berkenaan dengan kaedah pembayaran premium dan premium tambahan ke atas kelulusan Permohonan Pemberimilikan dan Pembangunan Tanah di Negeri Selangor (selepas ini dirujuk sebagai "Pekeliling tersebut") bagi Notis dalam Borang 5A dan Notis dalam Borang 7G untuk tempoh dua (2) tahun mulai 1 Januari 2025 sehingga 31 Disember 2026.

**2. LATAR BELAKANG**

2.1 Melalui keputusan-keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ("MMKN") yang terdahulu, Pihak Berkuasa Negeri ("PBN") telah melanjutkan tempoh pemakaian Pekeliling tersebut bagi menggalakkan dan meningkatkan hasil negeri.

2.2 PBN melalui MMKN ke 8/2025 yang diadakan pada 19 Mac 2025 yang telah disahkan oleh MMKN ke 9/2025 pada 26 Mac 2025 telah bersetuju sekali lagi untuk kali keempat bagi melanjutkan pemakaian Pekeliling tersebut untuk tempoh dua (2) tahun lagi mulai 1 Januari 2025 sehingga 31 Disember 2026.


### **3. KAEDAH PEMBAYARAN PREMIUM DAN PREMIUM TAMBAHAN**

3.1 Kaedah bayaran premium dan premium tambahan dikekalkan mengikut Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor Bilangan 1/2016.

### **4. TARIKH KUATKUASA DAN PEMAKAIAN**

4.1 Pekeliling ini hendaklah dipatuhi oleh semua Pentadbir Tanah dan Daerah dan dibaca bersama Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor Bilangan 1/2016.

4.2 Pekeliling ini berkuat kuasa **serta merta sehingga 31 Disember 2026.**



**(DATO' DR. YUSRI BIN ZAKARIAH) D.S.I.S., S.M.S.**

Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor

Tarikh : 4 September 2025